



LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Jurukur Tanah Berlesen, 1958 (Disemak 1991) - Akta 458]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 6 Jld. 9/(6)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7 WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: secretary@ljt.org.my

laman web: www.ljt.org.my

18 Jun 2015

Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM PENCERAHAN JUPEM MENGENAI PELAKSANAAN AKTA HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2013 DAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] telah diwartakan pada 29 Mei 2015 untuk dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015.
3. Sehubungan dengan itu, Bahagian Kadaster, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia bersama Lembaga Jurukur Tanah Malaysia akan menganjurkan program tersebut bagi menjelaskan tentang pelaksanaan akta-akta dan garis panduan kepada Juruukur Tanah Berlesen. Program ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh: 30 Jun 2015 (Selasa)
Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengahari
Tempat: Dewan Prima
Aras 6, Wisma LJT
Lorong Perak
Pusat Bandar Melawati
Kuala Lumpur

4. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dengan hormatnya dijemput hadir ke program tersebut dan bersama ini dilampirkan surat daripada pihak Bahagian Kadaster untuk makluman dan tindakan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Sr ISMAIL BIN HARUN)

Setiausaha

Lembaga Jurukur Tanah

Malaysia



IBU PEJABAT JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA
BAHAGIAN KADASTER
TINGKAT 9 & 10, WISMA JUPEM
JALAN SEMARAK
50578 KUALA LUMPUR



Telefon : 03 - 2617 0800 /
03 - 2617 0600
Faks : 03 - 2698 7114

Rujukan Kami : JUPEM 18/7/2.33 Jld.2 (5)
Tarikh : 16 Jun 2015

Aqihan Seperti di Lampiran A

YBhg. Dato'/Tuan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM PENCERAHAN JUPEM MENGENAI
PELAKSANAAN AKTA HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2013 DAN AKTA
PENGURUSAN STRATA 2013**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta A1450] dan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] telah diwartakan pada 29 Mei 2015 untuk dikuatkuasakan pada 1 Jun 2015. Selaras dengan penguatkuasaan kedua-dua akta tersebut, Jabatan ini telah mengeluarkan pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) Bilangan 1/2015 iaitu "Garis Panduan Pecah Bahagi Bangunan Atau Tanah Untuk Pengeluaran Hakmilik Strata' bagi menggantikan pekeliling-pekeliling KPUP Bilangan 3/2006 dan Bilangan 3/2007 serta Surat-surat Pekeliling Bilangan 3/2003, Bilangan 2/2008 dan Bilangan 5/2008.

3. Sehubungan itu, Bahagian Kadaster bersama Lembaga Juruukur Tanah Malaysia (LJT) akan menganjurkan program seperti di atas yang bertujuan untuk menjelaskan tentang pelaksanaan akta-akta dan garis panduan tersebut kepada Juruukur Tanah Berlesen (JTB).

4. Program ini akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh: 30 Jun 2015 (Selasa)
Masa: 8.30 pagi – 12.30 tengah hari
Tempat: Dewan LJT, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat Bandar Melawati
53100 Kuala Lumpur
Atur cara: Seperti di Lampiran B

5. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Dato'/Tuan adalah dipohon untuk mencalonkan peserta-peserta/Juruukur-juruukur Tanah Berlesen untuk menghadiri program ini dengan melengkapkan borang pengesahan kehadiran seperti di **Lampiran C** dan mengemukakan kepada Urus Setia Program **sebelum atau pada 26 Jun 2015 (Jumaat)**.

6. Pihak tuan bolehlah berhubung dengan Urus Setia Program iaitu Sr Rozali bin Harun (03-2617 0682/rozali.harun@jupem.gov.my) atau En. Mohd Yusri bin Mohd Noor (03-2617 0882/mohdyusri@jupem.gov.my) untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' SR MOHD NOOR BIN ISA)

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II

b.p. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

s.k. Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia
- Untuk makluman YBhg. Datuk jua.

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I
Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)

} YBhg. Dato'/Tuan
dengan segala
hormatnya dijemput
hadir ke program ini.

SENARAI AGIHAN:

Luaran:

- 1) Pengarah Ukur dan Pemetaan Selangor
- 2) Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang
- 3) Pengarah Ukur dan Pemetaan Johor
- 4) Pengarah Ukur dan Pemetaan Perak
- 5) Pengarah Ukur dan Pemetaan Kedah
- 6) Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Kuala Lumpur/Putrajaya
- 7) Pengarah Ukur dan Pemetaan N. Sembilan
- 8) Pengarah Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang
- 9) Pengarah Ukur dan Pemetaan Kelantan
- 10) Pengarah Ukur dan Pemetaan Terengganu
- 11) Pengarah Ukur dan Pemetaan Melaka
- 12) Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis
- 13) Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan

- *tuan dan seorang peserta dengan segala hormatnya dijemput hadir ke program ini*

- 14) Setiausaha,
Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT)
Aras 5-7, Wisma LJT
Lorong Perak, Pusat bandar Melawati
53100 WP Kuala Lumpur
No. Faks: 03- 4108 5178
Emel: secretary@jlt.org.my

- *tuan dan ahli-ahli lembaga dengan segala hormatnya dijemput hadir ke program ini.*
- *dipohon kerjasama pihak tuan untuk memanjangkan jemputan kepada semua Juruukur Tanah Berlesen (JTB).*

- 15) Presiden,
Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA)
2735A, Jalan Permata 4,
Taman Permata, Ulu Kelang,
53300, Setapak, WP Kuala Lumpur
No. Faks: 03- 4107 1140
Emel: secretariat@pejuta.com.my

- *YBhg. Dato' dan exco-exco dengan segala hormatnya dijemput hadir ke program ini.*

Penceramah:

- 16) Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)
(u.p.: **Sr Chan Keat Lim, AMN**)
- 17) Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan
Aras 4, Podium 1, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
(u.p.: **Puan Sharifah Khadijah binti Tuan Hadi**)

*tuan/puan dengan
segala hormatnya
dijemput untuk
menyampaikan ceramah
seperti di atur cara yang
dilampirkan.*

ATUR CARA PROGRAM

MASA	AKTIVITI
8.30 pagi	- Kehadiran Jemputan-Jemputan
9.00 pagi	- Permohonan Sijil Formula Unit Syer (SiFUS) & Permohonan Pecah Bahagi Bangunan atau Tanah Puan Sharifah Khadijah binti Tuan Had Bahagian Hakmilik Strata dan Stratum, JKPTG (P)
10.00 pagi	- Rehat
10.15 pagi	- Intipati Garis Panduan Pecah Bahagi Bangunan Atau Tanah Untuk Pengeluaran Hakmilik Strata Sr Chan Keat Lim Bahagian Kadaster (JUPEM)
11.15 pagi	- Modul eStrata JUPEM Sr Chan Keat Lim Bahagian Kadaster (JUPEM)
12.15 tengah hari	- Bersurai

BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN

Rujukan Kami:.....

Tarikh: Jun 2015

Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster)
 Tingkat 10, Wisma JUPEM
 Jalan Sultan Yahya Petra (Jalan Semarak)
 50578 Kuala Lumpur
 No. Faks: 03-2617 0681
 (u.p.: En. Mohd Yusri bin Mohd Noor)

Tuan,

**PENGESAHAN KEHADIRAN KE PROGRAM PENCERAHAN JUPEM
 MENGENAI PELAKSANAAN AKTA HAKMILIK STRATA (PINDAAN) 2013
 DAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini disenaraikan nama pegawai-pegawai yang akan menghadiri program tersebut seperti berikut;

Bil.	Nama	Jawatan
1)		
2)		

Sekian, terima kasih.

Pengesahan Ketua Jabatan/Pengurus:

Tandatangan :

Nama dan cop jawatan :

Tarikh :